

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 29/12/2007

Um - 29/12/2007

Tun Mahathir ucap takziah

PUTRAJAYA 28 Dis. - Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Benazir Bhutto, bekas Perdana Menteri Pakistan yang mati dibunuh dalam satu serangan oleh pengebom berani mati semalam.

Kedua-duanya turut menyampaikan ucapan takziah kepada kaum keluarga kalangan orang awam yang turut terbunuh dalam serangan pada perhimpunan di Rawalpindi itu.

"Kami berdoa untuk keamanan dan kestabilan yang berkekalan di Pakistan, dan berharap keluarga Benazir Bhutto serta rakyat Pakistan sentiasa bersabar dalam menghadapi saat-saat penuh dugaan ini," kata Dr Mahathir dalam mesijanya kepada Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia, Tahir Mahmud Qazi.

Benazir, 54, pemimpin pembangkang Pakistan, ditembak oleh seorang pengebom berani mati di Rawalpindi petang semalam selepas menghadiri satu perhimpunan, sebelum lelaki itu meletupkan diri, dan membunuh sekurang-kurangnya 20 orang awam.

- Bernama